

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH BINTI  
MAJILIS (KOTA BELUD)**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH BINTI MAJILIS [ KOTA BELUD ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan dengan kenaikan kos bahan binaan di seluruh dunia, berapa anggaran kos tambahan bagi menyiapkan Projek Lebuh Raya Pan Borneo (Pakej Sabah).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1 dengan anggaran jarak keseluruhan 706 km dibahagikan kepada 35 pakej kerja. Sehingga kini, 12 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan dengan status kemajuan pembinaan sehingga September 2021 bagi pakej kerja yang telah dimulakan adalah 60%. Manakala, Surat Setuju Terima (SST) bagi tiga (3) pakej kerja baharu yang melibatkan laluan daripada Sandakan Mile 32 sehingga Sg. Baoto telah dikeluarkan dan kerja-kerja pembinaan 3 pakej tersebut akan bermula pada tahun ini. Manakala satu (1) pakej kerja baharu yang melibatkan laluan dari Serusup ke Pituru pula telah diperuntukkan di dalam RP1 RMKe-12, menjadikan keseluruhan 16 pakej kerja akan dilaksanakan buat masa kini.

Sama seperti projek-projek Kerajaan lain, wabak Covid-19 telah memberi kesan ke atas tempoh kemajuan kerja dan kos pembinaan Projek LPB Sabah. Sehubungan itu pelbagai *mitigation plan* sedang dilaksanakan antara lainnya penyelarasan semula jadual pembinaan dan Lanjutan Masa (*Extension Of Time - EOT*) bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan projek. Dengan mengambil kira peningkatan harga bahan binaan di pasaran, Kerajaan turut mempertimbangkan permohonan *Variation of Price (VOP)* tertakluk kepada kadar dan terma-terma yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.